

TALKING POINTS

PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR UTeM



PROGRAM SERAHAN MOCK CHEQUE DAN SUMBANGAN KEBAJIKAN PELAJAR SERTA PROGRAM KEPIMPINAN ALTRUISTIK

24 April 2022 (Ahad), 6.00 petang

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dewan Pusat Sukan UTeM

Terima Kasih Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin

Exco Pendidikan dan Teknologi dan isteri Datin Ernie Aidilia
binti Dato Karim

Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Haswandi Bin Haji Ahmad
Ketua Pengarah Institut Pembangunan dan Kecemerlangan
Kepimpinan, Kementerian Belia dan Sukan

Saudara Muhammad Amri Hakimi bin Alias

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Sesi 2021/2022

Pegawai Kanan Universiti, Rakan Penyumbang dari Agro Bank,
Maybank Islamic Berhad, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar,
Rakan Media, Pegawai-Pegawai dari Pejabat Hal Ehwal
Pelajar, Hadirin dan Hadirat sekalian.


Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Alhamdulillah, saya ingin merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT , kerana di atas limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama-sama di petang hujung minggu ini dalam Program Serahan Mock Cheque dan Sumbangan Kebajikan Pelajar serta Program Kepimpinan Altruistik Pelajar UTeM.

2. Pertama sekali, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Pendidikan dan Teknologi dan isteri Datin Ernie Aidilia binti Dato Karim, kerana sudi memenuhi jemputan kami untuk bersama-sama dalam majlis pada petang ini. Kehadiran Yang Berhormat Datuk dan Datin pastinya dapat merapatkan lagi ukhwah sesama kita antara pihak Universiti dan Kerajaan Negeri.


3. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan agensi penyumbang dari AgroBank dan Maybank Islamic Berhad, serta Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan, Kementerian Belia dan Sukan yang telah bermurah hati memberikan sumbangan dan bantuan kewangan kepada pelajar B40 UTeM bersempena dengan Pesta Konvo Maya TUAH UTeM atau *TUAH Virtual Convo Fest-17* yang diadakan pada Mac lepas, di samping sumbangan dari i-LEAD bagi pelaksanaan Program Kepimpinan Altruistik kepada 6,000 pelajar UTeM. Terima kasih yang tidak

terhingga kepada semua rakan pemberi sumbangan atas sokongan padu yang diberikan kepada UTeM terutamanya dalam usaha kita bersama untuk menjaga kebajikan dan pembangunan siswa siswi UTeM.

- 
4. Insya Allah, dengan usaha dan rangka kerja berterusan dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar, diharapkan lebih banyak sumbangan yang akan diterima dari agensi korporat dan swasta bagi mengurangkan bebanan dan membantu pelajar B40 UTeM, yang berjumlah 65% dari keseluruhan populasi pelajar UTeM.

Yang Berhormat Datuk, hadirin hadirat sekalian.

5. Di sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini, difahamkan Pejabat Hal Ehwal Pelajar menganjurkan pelbagai program, bagi menyantuni pelajar-pelajar UTeM. Bermula dari minggu pertama Ramadan, Pejabat HEP telah melaksanakan beberapa siri program seperti agihan Food Bank kepada pelajar Kolej Kediaman dan pelajar yang menetap di luar kampus, penganjuran sesi Town Hall bersama Kelab dan Persatuan, bekerjasama dengan pihak YaPEIM dalam penganjuran Program Sumbangan YaPEIM dan Ihya' Ramadan dan Apresiasi TUAH VCF ke-17.

- 
6. Sejak dari Jumaat lepas sehingga ke petang ini juga, telah dilaksanakan tiga siri Program Kepimpinan Altruistik kepada 2,000 pelajar UTeM. Program Kepimpinan pelajar ini akan diteruskan lagi untuk beberapa kali lagi sekembalinya para pelajar dari Cuti Hari Raya nanti. Tahniah diucapkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar.
7. Insya Allah, pelbagai lagi aktiviti telah dirangka dan disusun baik oleh HEP sehingga ke hari terakhir para pelajar berada di Kampus sebelum mereka pulang ke kampung untuk cuti Hari Raya.

Yang Berhormat Datuk dan hadirin sekalian,

8. Dalam menjayakan pelaksanaan program-program ini, pastinya sumber dana yang mencukupi amat diperlukan. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Pengacara Majlis sebentar tadi, sejumlah RM218,250.00 dana telah disumbangkan oleh pelbagai agensi, yang diusahakan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar sendiri. Diharapkan usaha murni ini akan berterusan demi memastikan kelangsungan penganjuran pelbagai program yang bermanfaat kepada para pelajar UTeM.

9. Diharapkan juga lebih banyak agensi kerajaan, korporat dan swasta terus memberikan sumbangan kepada UTeM sebagai usaha kita bersama untuk menjaga kebajikan para pelajar kita di samping untuk membentuk mereka menjadi bakat insan dan pemimpin berkaliber pada masa depan.

Yang Berhormat Datuk, hadirin sekalian,

10. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Datuk Exco dan rakan-rakan pemberi sumbangan. Diharapkan segala usaha kita bersama ini secara langsung dapat menzahirkan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi

menerusi strategi KPT Prihatin, dan UTeM sendiri menerusi tahun 2022, tahun kebajikan pelajar.

11. Semoga segala apa yang kita laksanakan ini memperoleh keberkatan dan ganjaran Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

